

7 Jun, 1981

Razaleigh dan Musa tetap tanding satu jawatan?

KUALA LUMPUR, Sabtu — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam, dijangka bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden sahaja.

Sumber-sumber rapat memberitahu, perebutan itu tidak dapat dielakkan memandangkan usaha memujuk mereka bertanding dua jawatan, tidak berhasil sehingga ini.

Tarikh tutup penerimaan pencalonan pada jam 4.30 petang Selasa ini. Sehingga ini, kedua pemimpin perkenaan belum lagi menghantar kertas penerimaan pencalonan mereka.

Kesemuanya empat orang dicalonkan merebut jawatan Timbalan Presiden. Dua lagi ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka menarik pencalonan tersebut meskipun beliau telah mengesahkan pencalonannya. Ini disebabkan beliau tidak mungkin ditentang untuk jawatan Presiden.

Manakala Datuk Harun pula telah menyatakan akan hanya bertanding merebut jawatan Naib-Presiden sahaja. Ini ditegaskan oleh anaknya, Encik Mazlan, semalam.

Enam orang telah mengesahkan akan bertanding jawatan Naib Presiden. Mereka ialah Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim; bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris; Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba dan bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia